

SANTUNI JIRAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkat ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar taqwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan taqwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taaala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*

Agama Islam amat mengambil berat tentang hubungan baik sesama manusia. Dalam kehidupan seharian, seseorang itu akan sentiasa berhubung dengan orang lain sama ada rakan sekerja, teman serumah, jiran tetangga, masyarakat sekampung dan sebagainya. Sudah menjadi lumrah dalam suasana hidup bermasyarakat, setiap orang akan memerlukan bantuan atau pertolongan daripada orang lain. Insan yang paling dekat dan mampu untuk menghulurkan bantuan adalah jiran tetangga.

Jiran perlu dihormati dan disantuni sebagaimana kita mengasihi keluarga sendiri. Agama Islam memerintahkan kita agar memuliakan jiran sebagaimana hadis riwayat

Imam al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:



مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمِ جَارَهُ

Yang bermaksud: *Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendaklah dia memuliakan jirannya.*

Agama Islam menetapkan bahawa jiran mempunyai hak-hak tertentu yang perlu kita laksanakannya melalui hadis Imam al-Tabrani daripada Jabir bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

Jiran itu ada tiga jenis: Jiran yang mempunyai satu hak sekurang-sekurangnya, jiran yang mempunyai dua hak dan jiran yang mempunyai tiga hak. Maka jiran yang mempunyai satu hak iaitu jiran yang bukan Islam. Baginya hak kejiranan. Ada pun yang memiliki dua hak iaitu jiran Muslim. Baginya hak Islam dan hak kejiranan. Manakala jiran yang memiliki tiga hak iaitu jiran muslim yang memiliki hubungan kekeluargaan. Baginya hak kekeluargaan, hak Islam dan hak kejiranan.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*

Ciri-ciri jiran yang baik adalah saling bertegur sapa, tolong menolong, ziarah menziarahi, mengamalkan sikap berlapang dada, bertolak ansur, mengambil berat tentang jirannya, sama ada ketika sihat atau sakit, gembira atau sedih, kenyang atau lapar, ketika ia berada di rumahnya atau tiada. Menjauhi sikap suka buruk sangka, irihati, dengki, fitnah dan sebagainya.

Di Malaysia, kita hidup dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan agama. Berkemungkinan jiran kita adalah orang bukan Islam. Maka inilah masanya kita mempamerkan keindahan Islam dengan memperlihatkan diri kita sebagai muslim yang berbudi pekerti yang baik dan bertanggungjawab. Segala bentuk kelakuan yang

berlawanan dengan nilai-nilai murni mestilah dihindarkan agar imej Islam tidak tercalar pada pandangan mereka.

Hak menghormati jiran juga adalah termasuk tidak melakukan perkara yang boleh menyakiti hati dan mengganggu ketenteraman mereka. Contohnya tidak bertegur sapa dengan jiran sehingga tidak menjawab salam yang diberikan, tidak membuat bising khususnya pada waktu malam seperti meninggikan bunyi radio atau televisyen serta berkaraoke, menghidupkan kenderaan terutamanya motosikal dengan bunyi yang kuat, meletakkan kenderaan sehingga menghalang laluan orang lain, membiarkan najis haiwan peliharaan merata-rata, melambakkan sampah di tempat yang tidak sepatutnya serta berbagai-bagai perangai buruk yang lain. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ قِيلَ وَمَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الَّذِي لَا يَأْمَنُ جَارُهُ
بَوَائِقَهُ

Yang bermaksud: *Demi Allah, dia tidak beriman! Demi Allah, dia tidak beriman! Demi Allah, dia tidak beriman! Lalu baginda ditanya: "Siapakah dia wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Orang yang menyebabkan jiran tetangganya berasa tidak aman daripada kejahatannya."*

Apa yang lebih membimbangkan kita ialah terdapat segelintir daripada masyarakat pada hari ini beranggapan bahawa hidup berjiran hanya akan menambahkan masalah kepada mereka. Mereka merasa lebih selesa hidup dalam dunia mereka sendiri tanpa mempedulikan hal orang lain. Orang seperti ini hanya akan menyedari pentingnya peranan jiran apabila mereka ditimpa musibah.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*

Sewajarnya ziarahilah jiran tetangga terutamanya mereka yang sakit dan meninggal dunia. Datanglah apabila dijemput ke majlis kenduri-kendara dan berikanlah bantuan kepada mereka. Marilah kita mengajak jiran tetangga bersama-sama menghadiri

majlis ilmu dan solat berjemaah di masjid atau surau di tempat kita bagi memperkukuhkan hubungan kejiwaan dan mewujudkan permuafakatan, bak kata pepatah Melayu *Jiran Sepakat Membawa Berkat*. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Nisa' ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا^ط وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ
وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ^ظ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: *Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatupun. . Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu-bapa, karib-kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, dan teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahayamu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membangga-banggakan diri.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.